

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14 BANGUNAN UMBC.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

25hb. Februari, 1974.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1974

**Pindaan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1970 Mengenai
Kerja Semula bagi Orang-orang Pencen**

Potong ayat-ayat di perenggan 4 dan gantikan dengan ayat-ayat seperti berikut:-

- "4. Orang-orang pencen yang diambil bekerja semula hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja sementara dan boleh menerima gaji bersih yang penuh yang senilai dengan gaji yang sedang mereka terima jika mereka bekerja dalam perkhidmatan dan jawatan yang sama sepertimana mereka bekerja sebelum mereka bersara dahulu dan mereka bolehlah layak menerima kemudahan-kemudahan (perquisites) dan elaun-elaun yang lain sama seperti yang diberi kepada pekerja-pekerja sementara. Bagi mereka yang diambil bekerja semula dalam jawatan-jawatan yang lain, mereka bolehlah menerima gaji bersih yang penuh bagi jawatan itu."
2. Tarikh kuatkuasa pindaan ini ialah pada 1hb. Jun, 1973. Peraturan mengenai pengambilan kerja semua orang-orang pencen bagi jawatan-jawatan di dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar yang ada sekarang hendaklah diteruskan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD

JALALUDIN)

Bahagian Gaji,

b. p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri, Semenanjung Malaysia.